MALAYSIA

# Warta Kerajaan

SERI PADUKA BAGINDA

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

| | | |
|---|---|---|
| Jil. 28<br>No. 16 | **19hb Julai 1984** | *TAMBAHAN No. 43*<br>*PERUNDANGAN (A)* |


**P.U. (A) 251.**

AKTA RACUN MAKHLUK PEROSAK 1974

PERATURAN-PERATURAN RACUN MAKHLUK PEROSAK (PELABELAN) 1984

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 57 Akta Racun Makhluk Perosak 1974, Menteri, setelah berunding dengan Lembaga Racun Makhluk Perosak, membuat peraturan-peraturan yang berikut: *Akta 149.*

BAHAGIAN I

PERMULAAN

**Nama, pemakaian dan mula berkuatkuasa.**

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Racun Makhluk Perosak (Pelabelan) 1984** dan adalah terpakai di seluruh Malaysia.

(2) Peraturan-Peraturan ini hendaklah berjalan kuatkuasa pada 1hb Ogos 1984.

**Tafsiran**

2. Dalam Peraturan-Peraturan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

"Akta" ertinya Akta Racun Makhluk Perosak 1974;

"jual" mempunyai erti yang sama seperti diberi kepadanya dalam Akta Racun Makhluk Perosak 1974;

"label" mempunyai erti yang sama seperti diberi kepadanya dalam Akta Racun Makhluk Perosak 1974;

"Lembaga" ertinya Lembaga Racun Makhluk Perosak yang ditubuhkan di bawah seksyen 3 Akta Racun Makhluk Perosak 1974;

9. Any sword or parang which is normally meant to be used as a weapon and not as an agricultural implement or household or garden tool.

10. Any spear or spearhead.".

Made the 13th July 1984.
[KDN. S. 21/20 Jld. II; PN. (PU[2]) 349.]

DATO' MUSA HITAM,
*Minister of Home Affairs*

**P.U. (A) 253.**

AKTA (PERUNTUKAN-PERUNTUKAN KHAS) SAMAN DAN WARAN 1971

PERINTAH (PERUNTUKAN-PERUNTUKAN KHAS) SAMAN DAN WARAN (PERLUASAN KE BRUNEI DARUSSALAM) 1984

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 7 Akta (Peruntukan-Peruntukan Khas) Saman dan Waran 1971, Menteri membuat Perintah berikut: *Akta 25.*

Nama dan mula berkuatkuasa.

1. Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah (Peruntukan-Peruntukan Khas) Saman dan Waran (Perluasan ke Brunei Darussalam) 1984** dan hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

cif. 1.11.1984 – See PU(B) 436/84

Perluasan Akta (Peruntukan-Peruntukan Khas) Saman dan Waran 1971 ke Brunei Darussalam. *Akta 25.*

2. (1) Tertakluk kepada subperenggan (2) dan kelayakan yang terkandung dalam perenggan 3, seksyen 3, 4, 5, 6 dan 8 Akta (Peruntukan-Peruntukan Khas) Saman dan Waran 1971, yang dalam Perintah ini disebut "Akta", adalah diperluaskan untuk dipakai di Brunei Darussalam dan rujukan-rujukan dalam seksyen tersebut mengenai Singapura hendaklah ditafsirkan sebagai rujukan-rujukan mengenai Brunei Darussalam.

(2) Dalam mentafsirkan seksyen-seksyen dalam subperenggan (1), melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

(*a*) "Mahkamah" dan "saman" mempunyai erti yang sama seperti yang diberikan kepadanya dalam seksyen 2 Akta kecuali rujukan mengenai "Kanun Acara Jenayah yang berkenaan" adalah rujukan mengenai Kanun Acara Jenayah bagi Malaysia atau Brunei Darussalam, mengikut mana yang berkenaan; dan

(*b*) "Majistret" berhubungan dengan Malaysia termasuk seorang Yang Dipertua Mahkamah Sesyen.

Perintah Menteri kepada Majistret supaya tidak mengendors.

3. Berhubungan dengan peruntukan-peruntukan Akta sebagaimana diperluaskan ke Brunei Darussalam:

(*a*) jika pada bila-bila masa Peguam Negara berpendapat bahawa suatu saman di bawah seksyen 3 atau 4 atau suatu waran di bawah seksyen 5, jika disampai atau dilaksanakan, mengikut mana yang berkenaan, dalam Malaysia akan menyebabkan orang yang terhadapnya saman dan

waran itu dikeluarkan, dipaksa supaya hadir di Brunei Darussalam untuk dibicarakan atau dihukum kerana suatu kesalahan yang bersifat politik, Peguam Negara boleh, melalui perintah secara bertulis, memberitahu kepada Majistret supaya jangan mengendors saman dan waran tersebut dan Majistret hendaklah dengan sewajarnya jangan mengendors saman atau waran itu, mengikut mana yang berkenaan;

(b) jika Majistret telah mengendors saman atau waran itu sebelum perintah oleh Peguam Negara telah diberitahu kepadanya, apabila dia diberitahu mengenai perintah itu, Majistret hendaklah menarik balik saman atau waran itu, sama ada atau tidak saman atau waran itu telah disampai atau dilaksanakan, mengikut mana yang berkenaan, dan membatalkan endorsmen yang dibuat di atasnya dan jika mana-mana orang telah ditangkap dan adalah dalam jagaan Majistret itu hendaklah memerintahkan pelepasannya dengan serta-merta.

Kuatkuasa kebelakangan dalam kes-kes tertentu.

4. Perintah ini terpakai bagi saman dan waran di bawah seksyen 3, 4, 5, 6 dan 8 Akta sebagaimana dinyatakan dalam subperenggan (1) perenggan 2—

(1) yang diterima di Malaysia dari Brunei Darussalam selepas tarikh Perintah ini mula berkuatkuasa walaupun ia dikeluarkan sebelum tarikh Perintah ini mula berkuatkuasa atau berhubungan dengan kesalahan-kesalahan yang dilakukan sebelum tarikh Perintah ini mula berkuatkuasa; dan

(2) yang diterima di Malaysia dari Brunei Darussalam sebelum tarikh Perintah ini mula berkuatkuasa tetapi yang belum disampai atau dilaksanakan.

Diperbuat 18hb Julai 1984.
[SR. (017) 442/13; PN. (PU²) 416.]

Bagi pihak dan atas nama Menteri Luar Negeri,

ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR,
*Timbalan Menteri Luar Negeri*

*(Akan dibentangkan di dalam Dewan Rakyat dan Dewan Negara menurut subseksyen (3) seksyen 7 Akta (Peruntukan-Peruntukan Khas) Saman dan Waran 1971.)*

## SUMMONSES AND WARRANTS (SPECIAL PROVISIONS) ACT 1971

## SUMMONSES AND WARRANTS (SPECIAL PROVISIONS) (EXTENSION TO BRUNEI DARUSSALAM) ORDER 1984

*Act 25.*

IN exercise of the powers conferred by section 7 of the Summonses and Warrants (Special Provisions) Act 1971, the Minister makes the following Order:

Citation and commencement.

1. This Order may be cited as the **Summonses and Warrants (Special Provisions) (Extension to Brunei Darussalam) Order 1984** and shall come into force on such date as the Minister may, by notification in the *Gazette*, appoint. e/f 1.11.1984 - See PU(B) 436/84

2. (1) Subject to subparagraph (2) and to the qualification contained in paragraph 3, sections 3, 4, 5, 6 and 8 of the Summonses and Warrants (Special Provisions) Act 1971, which in this Order is referred to as "the Act", are extended to apply to Brunei Darussalam and references in the said sections to Singapore shall be construed as references to Brunei Darussalam. Extension of the Summonses and Warrants (Special Provisions) Act 1971 to Brunei Darussalam. *Act 25.*

(2) In construing the sections specified in subparagraph (1), unless the context otherwise requires—

(*a*) "Court" and "summons" have the same meaning assigned to them in section 2 of the Act save that the reference to "appropriate Criminal Procedure Code" is a reference to the Criminal Procedure Code of either Malaysia or Brunei Darussalam, as the case may be; and

(*b*) "Magistrate" in relation to Malaysia includes a President of a Sessions Court.

3. In relation to the provisions of the Act as extended to Brunei Darussalam: Minister's Order to Magistrate not to endorse.

(*a*) if at any time the Attorney-General is of the opinion that a summons under section 3 or 4 or a warrant under section 5, if served or executed, as the case may be, within Malaysia, would result in the person against whom the summons or warrant was issued, being compelled to appear in Brunei Darussalam to be tried or punished for an offence of a political character, the Attorney-General may, by order in writing, signify to the Magistrate not to endorse the said summons or warrant and the Magistrate shall accordingly not endorse such summons or warrant, as the case may be;

(*b*) if the Magistrate had already endorsed the summons or warrant before the order by the Attorney-General had been signified to him, on his being signified of such order, the Magistrate shall recall the summons or warrant, whether or not the summons or warrant has been served or executed, as the case may be, and cancel the endorsement made thereon and where any person had been arrested and is in custody the Magistrate shall order his release forthwith.

4. This Order shall apply to summonses and warrants under sections 3, 4, 5, 6 and 8 of the Act as specified in subparagraph (1) of paragraph 2— Restrospective effect in certain cases.

(1) received in Malaysia from Brunei Darussalam after the date this Order comes into force notwithstanding that they were issued before the date this Order comes into force or relate to offences committed before the date this Order comes into force; and

(2) received in Malaysia from Brunei Darussalam before the date this Order comes into force but which have not yet been served or executed.

Made the 18th July 1984.
[SR. (017) 442/13; PN. (PU$^2$) 416.]

On behalf and in the name of the Minister of Foreign Affairs,

ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR,
*Deputy Minister of Foreign Affairs*

*(To be laid before each House of Parliament pursuant to subsection (3) of section 7 of the Summonses and Warrants (Special Provisions) Act 1971.)*

**P.U. (A) 254.**

KAEDAH-KAEDAH BAGI PUSAT-PUSAT PEMULIHAN CACAT AKAL 1977

*P.U. (A) 47/77.*

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh kaedah 1 (2) Kaedah-Kaedah bagi Pusat-Pusat Pemulihan Cacat Akal 1977, Menteri mengarahkan bahawa Taman Sinar Harapan, Kuala Terengganu, Terengganu, suatu Pusat Pemulihan Cacat Akal, ditambah kepada Jadual Kaedah-Kaedah itu mulai dari 1hb Januari 1984.

RULES FOR REHABILITATION CENTRES FOR THE MENTALLY HANDICAPPED 1977

*P.U. (A) 47/77.*

IN exercise of the powers conferred by rule 1 (2) of the Rules for Rehabilitation Centres for the Mentally Handicapped 1977, the Minister directs that the Taman Sinar Harapan, Kuala Trengganu, Trengganu, a Rehabilitation Centre for the Mentally Handicapped, be added to the Schedule to the Rules with effect from the 1st January 1984.

Bertarikh pada 21hb Jun 1984.
Dated the 21st June 1984.
[KKA. 3905/(60) PN. (PU$^2$) 219/I.]

DATIN PADUKA HAJJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI,
*Menteri Kebajikan Masyarakat/*
*Minister of Welfare Services*

**P.U. (A) 255.**

AKTA KASTAM 1967

PERATURAN-PERATURAN KASTAM (KELUARAN ISI KELAPA SAWIT) (TAKRIF) 1984

*Akta 235.*

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 142 Akta Kastam 1967, Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

**Nama dan mula berkuatkuasa.**

1. Peraturan-Peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Kastam (Keluaran Isi Kelapa Sawit) (Takrif) 1984** dan hendaklah mula berkuatkuasa pada 19hb Julai 1984.